
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

HSK 203 – Teori dan Kaedah Sejarah

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

...2/-

1. Dengan contoh-contoh yang nyata jelaskan apa yang dimaksudkan oleh R.G. Collingwood sebagai **pemikiran reflektif**. Bincangkan sejauh manakah para sarjana memberi keutamaan kepada pemikiran reflektif dalam penjelasan sejarah.
2. Dengan merujuk kepada kejadian-kejadian pemalsuan sumber yang pernah berlaku dalam sejarah bincangkan peri penting kritikan sumber dalam kajian sejarah.
3. "Sesuatu tindakan yang nampak kejam dari luar mungkin telah didorong oleh niat yang murni, tetapi kita tidak tahu niat yang terselindung di sebalik tindakan itu. Dalam keadaan begini bagaimana kita boleh mengadili tindakan itu? Maka, eloklah pengadilan moral dielakkan." Bincangkan.
4. "Objektiviti sejarah harus diukur menggunakan kaedahnya sendiri dan bukan dengan kayu ukur yang digunakan dalam sains tulen". Bincangkan.
5. "Walaupun memperlihatkan beberapa kelemahan, kaedah penulisan sejarah yang digunakan oleh sarjana-sarjana Yunani pada kurun ke-5 S.M masih dapat digunakan pada masa kini". Sejauh manakah anda bersetuju?
6. Bincangkan secara kritis sumbangan para sarjana Kristian Zaman Pertengahan dalam memantapkan kajian sejarah.
7. Jelaskan konsep sejarah yang telah dianjurkan oleh aliran *Annales*. Mengapakah kaedah sejarah yang dianjurkan oleh aliran ini tidak berjaya seperti aliran-aliran lain?

- 000 0 000 -